

# Isytihar harta bukti kesungguhan kerajaan mahu banteras rasuah

**Putrajaya:** Usaha kerajaan memwajibkan semua Ahli Parlimen, termasuk pembangkang dan keluarga masing-masing mengisytihar harta adalah penting bagi membolehkan rakyat menilai kesungguhan dan ketelusan wakil rakyat mereka tanpa menyembunyikan soal pemilikan harta masing-masing.

Ahli Parlimen Kulim-Bandar Bharu, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, berkata niat sebenar kerajaan adalah untuk menunjukkan kerajaan bersungguh-sungguh mahu melawan rasuah dan meningkatkan integriti.

Beliau yang juga Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, berkata usaha itu mendapat sokongan daripada semua Ahli Parlimen kerajaan ketika dibentangkannya di Parlimen, tetapi sebaliknya pula daripada pembangkang, terutama PAS.

"Saya minta rakyat nilai keadaan ini, siapa yang bersungguh-sungguh nak tunjuk kepada rakyat, siapa pula nak berhelah. Jadi, rakyat lebih bijak dalam bab itu," katanya pada sidang media selepas Majlis Sambutan Setahun Saifuddin Nasution di Kementerian Perdagangan Dalam Negeri



**Saifuddin Nasution bersama kepimpinan KPDNHEP memotong kek pada Majlis Sambutan Setahun Saifuddin Nasution di KPDNHEP di Putrajaya, semalam.**  
[Foto Mohd Fadli Hamzah/BH]

dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) di sini, semalam.

Beliau berkata demikian sebagai reaksi kepada kenyataan Timbalan Presiden PAS, Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man kelmarin, bahawa PAS berpendapat bahawa pengisytiharan harta akan menjejaskan keselamatan harta dan individu terbabit, di samping menimbulkan rasa dengki terhadap pihak lain.

Tambah beliau, tidak ada keperluan bagi ahli Parlimen pembangkang mengisytiharkan harta kerana mereka tiada akses kepada projek kerajaan.

Saifuddin Nasution berkata, kenyataan dibuat Tuan Ibrahim itu bercanggah dengan gesaan beliau kepada bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan Datin Seri Rosmah Mansor berhubung pengisytiharan harta pada 2015.

Katanya, jika Tuan Ibrahim boleh menggesa pemimpin Barisan Nasional (BN) mengisytiharkan harta pada masa itu, kenapa kini nadanya berbeza apabila gesaan sama dibuat kerajaan Pakatan Harapan (PH).

"Tuan Ibrahim pada 2015 dulu membuat cabaran kepada Perdana Menteri, Datuk Najib dan Datin Rosmah, isytiharkan harta," katanya.